

Rayney Azmi (tiga dari kanan) menerangkan prosedur rawatan jantung kepada Ahmad Samsuri (dua dari kanan) pada majlis pelancaran makmal kateterisasi jantung di KMI Kuala Terengganu hari ini.

# KMI tawar kemudahan makmal kateterisasi jantung

Oleh MOHD AZLI ADLAN 14 Disember 2021, 6:38 pm

KUALA TERENGGANU – KMI Kuala Terengganu meningkatkan perkhidmatan rawatan jantung dengan menjadi pusat perubatan swasta pertama di negeri Pantai Timur itu yang menyediakan kemudahan makmal kateterisasi jantung dengan pelaburan RM4 juta.

Ketua Pegawai Eksekutif Pusat Perubatan KMI, Dr. Rayney Azmi Ali berkata, kemudahan makmal tersebut menyediakan perkhidmatan mengesan masalah pembuluh darah dalam jantung dan rawatan intervensi menggunakan sinar-X berteknologi tinggi.

Beliau berkata, prosedur yang ditawarkan ialah angiografi kononari, agioplasti koronari, pemantauan elektrofisiologi dan pemasangan alat pacu jantung.

"Sebelum ini, kemudahan makmal kateterisasi jantung ini hanya dimiliki hospital kerajaan sehingga menyebabkan rakyat Terengganu terpaksa menunggu lapan bulan untuk mendapatkan rawatan.

"Ia juga menyebabkan ramai penghidap penyakit jantung di negeri ini terpaksa mendapatkan rawatan jantung ke negeri-negeri lain termasuk Lembah Klang," katanya di sini hari ini.

Terdahulu beliau menyaksikan pelancaran makmal kateterisasi jantung di KMI Kuala Terengganu oleh Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Dr. Ahmad Samsuri Mokhtar.

Rayney Azmi berkata, kemudahan makmal itu membolehkan tempoh menunggu rawatan jantung bagi pesakit di Pantai Timur dapat disingkatkan kepada sehari sahaja.

Tambah beliau, pasukan kardiologi KMI Kuala Terengganu diterajui Dr Ahmad Suhaimi Mustafa yang memiliki kepakaran khusus dalam bidang elekrofisiologi iaitu perkhidmatan pemasangan perentak jantung dan masalah rentak jantung tidak sekata.

"Buat masa ini, kita menawarkan promosi sesi konsultasi dan saringan kesihatan jantung pada kadar masing-masing RM100 dan RM450," katanya. – K! ONLINE